

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA**

ETR 300 – ASAS KEUSAHAWANAN

RANCANGAN PERNIAGAAN PEMBUATAN PARKET

DISEDIAKAN UNTUK :

CIK VIJAYA LETCHUMI

DISEDIAKAN OLEH :

FADHIL ISKANDAR B. SALIM	96603870
HARFEENAZ BT A. BAKAR	97236007
MASMAWATI BT MAMAT	97129692
MAYZON BT AZUDIN	97031358
NOR AZLINA BT IBRAHIM	97031756
NURULAFIZAN BT SALLEH	97194300

DPA 05 B



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 13hb. Julai 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963
06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Fadhil Iskandar Salim	96603870
2.	Nor Azlina bt. Ibrahim	97031756
3.	Mayzon bt. Azudin	97031358
4.	Harfeenaz bt. A. Bakar	97236007
5.	Nurul Afizan bt. Salleh	97194300
6.	Masmawati bt. Mamat	97129692

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebar kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



ROZALLI HASHIM
Ketua Kursus DPA
ITM Melaka.
b/p Provos

SURAT PENYERAHAN

Diploma Pentadbiran Awam

Universiti Teknologi MARA

Km 26 Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka

Cik Vijaya Letchumi

Pensyarah Asas Keusahawan (ETR 300)

Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka

Km 26 Jalan Lendu

78000 Alor Gajah

Melaka

Puan

Penyerahan Rancangan Perniagaan

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas bersama-sama ini dilampirkan satu Rancangan Perniagaan untuk membuka peniagaan perkongsian mengeluarkan parket.

Ini adalah sebahagian daripada syarat untuk memenuhi matapelajaran Asas Keusahawan (ETR 300), di samping itu pengalaman ini dapat kami digunakan apabila kami menceburkan diri di dalam dunia perniagaan kelak.


Pemilihan projek ini adalah berdasarkan kepada kemampuan parket untuk menembusi pasaran dunia di masa-masa akan datang. Selain itu dengan adanya usaha untuk mempelbagaikan jenis-jenis parket diharap ia akan lebih diminati. Memandangkan kurang penglibatan kaum bumiputera dalam perusahaan ini kerana ia menelan belanja yang banyak kami memerlukan masa untuk mengumpul wang untuk menampung perbelanjaan ini.

Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Puan di atas segala bantuan dan tunjuk ajar yang telah puan berikan. Semoga Puan akan berjaya di lapangan yang Puan ceburi.


Sekian. Terima Kasih.

Yang benar,


Fadhil Iskandar Salim




Harfeenaz Abu Bakar



Masmawati Mamat




Mayzon Azudin



Nor Azlina Ibrahim



Nurulafizan Salleh



1.0 PENGENALAN

- Perniagaan ini diberi nama Global Parquet/Enterprise, sesuai dengan aktiviti iaitu mengilang dan mengeluarkan parket yang berkualiti dan bermutu tinggi bagi memenuhi permintaan pelanggan di Portugal, Spanyol dan China.
- Produk yang dikeluarkan adalah berdasarkan tempahan yang dibuat oleh pelanggan (setelah surat pengenalan diberikan kepada pelanggan). Contoh-contoh jenis saiz kayu yang ditempah seperti 10mm x 60mm x 300mm, 10mm x 50mm x 300mm, 10mm x 50mm x 250mm dan 8mm x 45mm x 225mm.
- Pembuatan parket yang berkualiti dan bermutu tinggi ini lebih dikenali di luar negara berbanding di Malaysia. Namun begitu ianya telah wujud sejak 10 tahun yang lalu dan kini berkembang dengan pesatnya. Dari segi pemasarannya, pembuatan parket masih baru di negara ini walaupun ianya telah lama bertapak di luar negara. Parket amat penting sebagai agen penebat haba di mana ianya sesuai bagi negara-negara yang mengalami iklim 4 musim.

- Perniagaan ini akan beroperasi di alamat:

Global Parquet Enterprise,
No.28, Jalan Parit Abdul Rahman,
82000 Benut, Pontian,
Johor Darul Takzim.

- Luas tapak projek berukuran 50.5m x 120m x bersamaan dengan 1.5 ekar. Kawasan ini sesuai dengan dengan projek yang akan dijalankan kerana ianya jauh daripada kawasan perumahan. Selain itu juga, terdapat pelabuhan antarabangsa